

PM mahu bank lebih aktif bantu pengusaha IKS

UM 18 JUL 2007

KUALA LUMPUR 17 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu bank memainkan peranan lebih aktif dalam membantu pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) memberikan khidmat nasihat tentang pengurusan kewangan, pentadbiran dan pemasaran.

Perdana Menteri percaya langkah itu akan memajukan syarikat IKS dan secara langsung dapat mengurangkan risiko pinjaman tidak berbayar.

“Saya ingin menyeru kepada institusi kewangan agar memberi perhatian sewajarnya kepada sektor IKS. Janganlah mengenakan syarat pinjaman yang terlalu membebankan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Kijang Emas, duit syiling bulion emas negara yang dikeluarkan oleh The Royal Mint of Malaysia dengan kerjasama Bank Negara Malaysia di sini hari ini.

Memandangkan IKS adalah antara sektor yang penting dalam ekonomi, menurut Perdana Menteri, ia mendapat perhatian kerajaan sebagai sektor yang berupaya menyumbang kepada pertumbuhan negara.

Bagaimanapun, beliau berkata, keupayaan IKS terhadap kepada jumlah modal yang dimiliki dan pengusaha terbabit memerlukan bantuan bank untuk mengembangkan perniagaan atau menampung defisit aliran tunai.

“Namun ada bank yang terlalu berhati-hati dalam memberi pinjaman kepada syarikat IKS sehingga ada yang terpaksa gulung tikar.

“Ini merugikan negara kerana modal yang dilabur hilang begitu sahaja,” katanya.

Justeru, Dr. Mahathir menggesa bank memainkan peranannya membantu pengusaha IKS bagi memastikan usaha mereka berupaya menjana pertumbuhan positif.

Perdana Menteri menegaskan kerajaan sahaja tidak berupaya menjamin negara mengalami pertumbuhan positif setiap tahun kerana mempunyai sumber-sumber yang terhad.

Oleh itu, katanya, tugas menjana pertumbuhan ekonomi seharusnya dipikul bersama oleh sektor swasta yang merangkumi masyarakat peniaga, pengusaha dan perbankan.

Peluang

Pada masa yang sama, beliau yang juga Menteri Kewangan mengingatkan pengusaha dan peniaga tempatan bahawa mereka tidak lagi boleh terlalu bergantung kepada kerajaan yang mempunyai peranan semakin terhad dalam arus globalisasi.

“Pengusaha tempatan harus bijak mengambil peluang yang ada, mempunyai kekuatan, semangat dan daya tahan yang tinggi dalam mengharung arus globalisasi ini,” katanya.

Perdana Menteri mengulangi ingatannya supaya rakyat tempatan khususnya pengusaha supaya memberi perhatian kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Menurutnya, faktor R&D sangat penting untuk menjamin mutu dan mencari satu kaedah pe-

ngeluaran yang cekap dan berkesan bagi menghasilkan keluaran yang jimat kos tetapi berdaya saing tinggi.

“Pengusaha-pengusaha mesti bijak menggunakan sumber tempatan dan meningkatkan nilainya kerana dengan usaha ini bukan sahaja sumber tempatan dapat digunakan dengan kos lebih rendah, tetapi juga meningkatkan ekonomi negara dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat.

“Usaha ini juga akan dapat meningkatkan keupayaan persaingan dalam perniagaan, lebih-lebih lagi kepada yang ingin memasuki pasaran luar negara,” katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri memuji pengeluaran Kijang Emas oleh The Royal Mint of Malaysia sebagai melambangkan keberanian dan semangat bersaing pengusaha IKS tempatan dengan negara lebih maju.

Bagi Dr. Mahathir, pengeluaran Kijang Emas bukan setakat untuk memperkenalkan Malaysia di mata dunia, tetapi menyediakan pilihan bagi orang ramai untuk melabur dan menabung.

“Dengan harga emas yang secara relatif lebih stabil, pelaburan dalam Kijang Emas dapat mengimbangi risiko dalam portfolio pelaburan yang lain seperti pasaran saham,” katanya.

Perdana Menteri berharap kerjasama Bank Negara dan The Royal Mint of Malaysia dapat diteruskan bagi membantu Malaysia mempromosi dan memasarkan Kijang Emas di peringkat dunia.